

KOMPLIKASI:

1. *Pendarahan Akut: berlaku selepas pembedahan. Ini disebabkan salur darah yang terlucut ikatannya atau pembekuan darah tidak sempurna.*
2. *Pendarahan Sekunder: Ini disebabkan infeksi pada tempat pembedahan (Tonsil).*
3. *Makanan tidak boleh di telan kerana sakit.*
4. *Perubahan suara.*

Pesakit perlu datang semula ke Klinik untuk mendapatkan rawatan. Pemberian intravena Antibiotik mungkin dimulakan dan pesakit mungkin dimasukkan semula ke wad untuk observasi.

3. Makanan yang tidak boleh ditelan. Ini mungkin disebabkan kesakitan. Biasanya Doktor akan memberi ubat anesthesia untuk mengurangkan sakit. Pesakit digalakkan untuk makan secepat mungkin supaya membantu penyembuhan lebih cepat..

APA YANG PATUT SAYA LAKUKAN TERHADAP KOMPLIKASI

1. Jika berlaku pendarah selepas pembedahan, beritahu kepada jururawat yang bertugas. Sekiranya pendarahan itu sedikit, ia akan berhenti dengan mengulum ais didalam mulut. Jika pendarahan berterusan, doctor akan dipanggil untuk pemeriksaan lanjut. Pembedahan semula mungkin dilakukan untuk menghentikan pendarahan. Pesakit tidak dibenarkan makan sehingga pasti tiada pendarahan lagi.
2. Jika pendarahan berlaku selepas pesakit dibenarkan pulang. Ini biasanya disebabkan oleh jangkitan kuman pada tempat yang dibedah.



Hubungi kami:

Jabatan Otorinolaringologi,

Hospital Melaka.

Tel: 06-2892693

TONSILLECTOMI



JABATAN

JABATAN

OTORINOLARINGOLOGI OTORINOLARINGOLOGI

HOSPITAL MELAKA HOSPITAL MELAKA

APA ITU TONSILECTOMI?



Tonsilectomi adalah pembedahan membuang kelenjar tonsil di dua-dua bahagian dalam mulut .

DIMANA KELENJAR TONSIL BERADA?

Kelenjar Tonsil terletak diantara lidah hadapan dan fanink. Saiznya berbeza-beza mengikut individu. Kelenjar ini akan membengkak sekiranya ada jangkitan kuman.

APA PERANAN KELENJAR TONSIL?

Fungsi kelenjar tonsil dalam kehidupan kita sehari-hari masih kontroversi. Ada pendapat mengatakan ia bertindak sebagai pertahanan tubuh dengan menghasilkan antibodi seperti IgA, IgG, IgM dan IgD. Interferon, lymphokines, Complement dan

lysozymes dihasilkan untuk melawan kuman.

SYMPTOM TONSILITIS.

1. Tonsillitis Akut: Pesakit yang mengalami infeksi tonsillitis akut mengalami demam panas, sakit tekak dan susah menelan. Terdapat pembengkakan pada kelenjar tonsil atau nanah.
2. Tonsilitis Kronik: Penyakit di atas berulang setiap bulan atau lebih kerap. Pemeriksaan mendapati pembengkakan pada kelenjar tonsil dan nodal lymph.
3. Tonsilitis Obstruksi: Ini disebabkan pembesaran kelenjar tonsil tanpa jangkitan kuman. Ia menyebabkan saluran pernafasan sempit, berdengkur, terjaga kerana kesukaran bernafas, lesu waktu pagi dan kehilangan daya tumpuan. Pesakit biasanya terdiri dari kalangan Obese.
4. Peritonsilar Abses/ kuinsi: Adalah Jangkitan kuman terhadap kapsul tonsil. Pengumpulan nanah dibahagian atas tonsil menyebabkan pesakit demam, tidak boleh makan, membuka mulut atau menelan.

PEMBEDAHAN TONSILEKTOMI

Sebab utama pembedahan adalah:

1. *Kerap mengalami tonsillitis dan memudaratkan persekolahan/ pekerjaan.*
2. *Obstruksi tonsillitis.*
3. *Peritonsilar Abses./ Kuinsi*
4. *Bengkak sebelah kelenjar tonsil dikuatirai kanser.*
5. *Untuk laluan organ dibelakang kelenjar tonsil.*

JAGAAN SELEPAS PEMBEDAHAN

1. Pemeriksaan tekanan darah, denyutan nadi dan pergerakan pernafasan dilakukan.
2. Pesakit diberi ubat analgesia untuk mengurangkan sakit selepas pembedahan.
3. Pesakit dibenarkan makan makanan yang sejuk dan lembut seperti Ais krim, agar-agar selepas 6 jam pembedahan berakhir. (Jika tiada pendarahan dalam mulut).
4. Pesakit dibenarkan pulang esok hari jika tiada masalah yang berlaku.